

Selenggara sungai dalam 2 minggu

SELAYANG - Kerja penggalian mendapan pasir dan pembersihan di Sungai Keroh, Kampung Kepong Hulu akan dilaksanakan dalam tempoh dua minggu dari sekarang dan kini dalam proses pemilihan tender kepada kontraktor.

Sungai tersebut yang gagal menampung air selepas hujan lebat Rabu lalu menyebabkan hampir 50 rumah di sekitarnya dinaiki air pada ketinggian 0.6 meter.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Gombak, Ir Mohd Fuad Buang berkata, kerja penggalian akan dilakukan sedalam 1.5 meter dan tidak boleh melebihi paras itu memandangkan terdapat halangan dan dinding berhampiran sungai.

"Kita juga mengalami kesukaran dalam kerja pembersihan berikutan terdapat pencerobohan rizab sungai akibat binaan struktur bangunan seperti rumah dan kilang yang mengganggu kerja pembersihan dilakukan secara menyeluruh," katanya selepas melawat sungai itu bersama Penyelaras Parlimen Selangor, Jessie Ooi.

Menurutnya, pihaknya juga dalam cadangan untuk memasang siren amaran banjir dan pagar pada



Mohd Fuad (tiga, kanan) menerangkan keadaan sebenar Sungai Keroh kepada Wong Soong (empat, kanan) dan Jessie (dua, kiri).

sungai itu untuk tujuan keselamatan dan pencerobohan individu tidak bertanggungjawab.

Sementara itu Jessie berkata, sejurus dimaklumkan kejadian banjir kilat menimpa penduduk, satu lawatan kerja di buat Jumaat lalu dan meneliti beberapa kawasan yang boleh dikaitkan dengan punca air naik sewaktu hujan lebat berterusan selama dua jam.

"Kebetulan sewaktu lawatan kerja, berlaku hujan dan tidak sampai 15 minit, didapati air sungai naik mendadak disebabkan masalah tiada penyelenggaraan serta apabila ditanya tentang kekerapan penyelenggaraan penduduk maklumkan kali terakhir kerja itu

dibuat Julai tahun lalu.

"Melalui aktiviti turun padang kali kedua dengan membawa wakil JPS sendiri diharapkan dapat menyelesaikan masalah penduduk dan memberi penjelasan tentang punca tragedi banjir berulang," katanya.

Seorang penduduk, Leng Wong berkata, semasa kerja pembesaran sungai dilakukan 10 tahun lalu, mereka dimaklumkan ia mampu mengatasi masalah banjir dalam tempoh 60 tahun bagaimanapun, tidak sampai tempoh itu permasalahan itu mula menghantui penduduk.

"Kita minta penyelesaian segera dibuat dan pastikan insiden sama tidak berulang," katanya.